

باب الأسير أو الغريم يُرْطَبُ فِي الْمَسْجِدِ

48- Bab Orang Tawanan Atau Orang Yang Berhutang Boleh Diikat Di Dalam Masjid.⁷⁰⁰

٤٤١ - حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ أَخْبَرَنَا رَوْحٌ وَمُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ زِيَادٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ عِفْرِيَّتًا مِنَ الْجِنِّ تَقْلَتَ عَلَيَّ الْبَارِحَةَ أَوْ كَلِمَةً نَحْوَهَا لَيَقْطَعَنَّ عَلَيَّ الصَّلَاةَ فَأَمَكَّنَنِي اللَّهُ مِنْهُ فَأَرَدْتُ أَنْ أُرِيطَهُ إِلَى سَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ حَتَّى تُصْبِحُوا وَتَنْظُرُوا إِلَيْهِ كُلُّكُمْ فَذَكَرْتُ قَوْلَ أَخِي سُلَيْمَانَ رَبِّ (هَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ بَعْدِي) قَالَ رَوْحٌ فَرَدَّهُ خَاسِئًا

441- Ishaq bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya: Rauh (bin `Ubaadah) dan Muhammad bin Ja'far meriwayatkan kepada kami daripada Syu'bah daripada Muhammad bin Ziyad daripada Abi Hurairah daripada Nabi s.a.w., Baginda s.a.w. bersabda: “Ada seekor ifrit dari kalangan jin telah berkelibat (melintas dengan pantas) di hadapanku malam tadi.⁷⁰¹ Ataupun (baginda mengucapkan) ucapan yang lebih

tidak tetap. (3) Perawi hadits ini menyatakan Abu Raafi' lebih cenderung mengatakan orang hitam yang menjaga kebersihan masjid itu adalah perempuan. Berbeza dengan perawi hadits 438. (4) Untuk memahami sesebuah hadits seseorang perlu sekali melihat kesemua saluran riwayatnya. Di dalam hadits ini tersebut Baginda telah bersembahyang di atas kuburnya. Ia mungkin megelirukan kerana tidak dinyatakan sembahyang apakah yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. di atas kuburnya itu? Hadits 438 menjelaskannya. Sembahyang itu ialah sembahyang jenazah bukan sembahyang-sembahyang yang lain.

⁷⁰⁰ Berdasarkan nuskah Ibnu as-Sakan dan Ibnu `Asaakir والغريم dengan واو bukan dengan أو. Kalau dibaca dengan أو sekalipun, ia tetap dipakai dengan ma'na kepelbagaian bukan dengan ma'na pilihan. Tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Keharusan mengikat atau memberkas orang tawanan atau orang yang berhutang di dalam masjid. (2) Dalilnya ialah Rasulullah s.a.w. mungkin sekali telah memberkas ifrit itu sekiranya beliau tidak mempedulikan doa nabi Sulaiman. Kalau mengikat dan memberkas orang tawanan atau orang jahat tidak diharuskan di dalam masjid, tentulah nabi s.a.w. tidak mahu memberkasnya di tiang masjid. (3) Hadits di bawah bab selepas ini lebih terang menunjukkan hujah Bukhari ini. Kerana itu elok sekali kalau dikatakan bab selepas ini adalah bab di bawah bab ini atau fasal bagi bab ini. (4) Hadits ini atau hadits di bawah bab ini memang sesuai kalau dikaitkan dengan orang tawanan. Tetapi mengaitkannya dengan orang yang berhutang agak jauh dan tidak jelas. Bagaimana boleh bukhari menambahkannya sehingga beliau menyebutkan selepas perkataan orang tawanan perkataan orang yang berhutang? Di mana ada tersebut di dalam hadits tentang pemberkasan orang yang berhutang? Paling tinggi Bukhari ada menyebut di dalam bab selepas ini bahawa qadhi Syurairi memerintahkan supaya orang yang berhutang diikat di tiang masjid. Tetapi itu bukan hadits. Ia hanya keputusan seorang qadhi dari kalangan tabi'in. Jawapannya ialah beliau telah memakai qaedah qias dalam bab ini. Ertinya beliau telah mengqiaskan orang yang berhutang dengan orang tawanan. Kalau orang tawanan boleh diberkas atau diikat di tiang masjid, orang yang berhutang juga sepatutnya boleh. Kerana kebebasan kedua macam orang ini tergantung pada tebusan atau pembayaran sejumlah wang. Mereka juga boleh dima'afkan daripada wang tebusan atau hutang.

⁷⁰¹ Bagaimanakah bentuk kelibat jin ifrit itu di hadapan Rasulullah s.a.w.? Ia dapat dikesan melalui tiga hadits berikut ini: (1) Di dalam riwayat Bukhari tersebut begini: عَرَضَ لِي فَشَدَّ عَلَيَّ Mermaksud: Ia muncul lalu menerkam ke arahku / lalu menyerang aku. (2) Muslim meriwayatkan bahawa: إِنَّ عَدُوَّ اللَّهِ إِبْلِيسَ جَاءَ بِشَهَابٍ مِنْ نَارٍ لِيَجْعَلَهُ فِي وَجْهِهِ Bermaksud: Sesungguhnya musuh Allah iblis datang dengan membawa colok

kurang begitulah maksudnya, untuk memutuskan (mengganggu) sembahyangku.⁷⁰² Maka Allah memberi kemampuan kepadaku untuk menangkapnya. Aku telah pun hendak mengikatnya di salah satu tiang masjid supaya apabila telah pagi kamu semua dapat melihatnya. Tetapi aku teringat kepada kata-kata saudaraku Sulaiman: “Tuhanku kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak akan ada pada sesiapa pun kemudian daripadaku.”⁷⁰³ Rauh berkata: “Maka Nabi s.a.w. melepaskannya dengan hina.”⁷⁰⁴

api untuk diacukannya ke mukaku. (3) ‘Abdur Razzaaq pula meriwayatkan bahawa: عرض لي في صورة هر Bermaksud: Ia tampil ke hadapanku dalam rupa kucing. Beginilah yang disebut oleh kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari dan pengarang-pengarang tafsir. Mereka mengaitkan yang ketiga ini dengan ‘Abdur Razzaaq tanpa mengemukakan sanadnya. Saya sendiri tidak dapat mengesan di mana letaknya riwayat ‘Abdur Razzaaq ini dengan lafaz yang dikemukakan tadi di dalam Mushannafnya.

⁷⁰² “Memutuskan sembahyangku” boleh dipakai dengan ma’na sebenar dan boleh juga dipakai dengan ma’na majaazinya. Antara ma’na majaazinya ialah membatalkan sembahyang atau menghilangkan khususy` di dalam sembahyang. Apabila ia dipakai dengan ma’na hakiki atau ma’na sebenarnya, maka ia akan bererti memutuskan perhubungan yang terjalin di antara orang yang bersembahyang dan tuhan yang disembahnya (وصلة المناجات). Banyak sekali terdapat gambaran nabi s.a.w. tentang perhubungan yang dimaksudkan ini. Antaranya ialah yang tersebut di dalam sabda-sabda baginda ini: إن أحكم إذا قام في الصلاة فإن الرخصة Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu bersembahyang, dia sebenarnya sedang bermunajat kepada Tuhannya. Dan sesungguhnya (pada ketika itu) tuhannya berada di antaranya dan qiblatnya. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim). إذا قام أحدكم إلى الصلاة فإن الرخصة Bermaksud: Apabila seseorang bersembahyang, sebenarnya rahmat sedang menghadapinya. Oleh itu janganlah dia menyapu anak batu (di hadapannya). (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa’i, Ibnu Majah, Daarimi, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). Bagaimanapun ada juga ‘ulama’ memakai perkataan يقطع atau تقطع dengan erti menghilangkan khususy`, mengganggu atau dengan ma’na membatalkan sembahyang.

⁷⁰³ Tertib al-Qur’an yang sebenarnya adalah begini:

قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

Bermaksud: Katanya: “Wahai Tuhanku! Ampunilah daku dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak akan ada pada sesiapa pun kemudian daripadaku; Sesungguhnya Engkaulah yang sentiasa melimpah kurniaNya.” (Shaad: 35). Mungkin kesilapan ini adalah kesilapan Bukhari sendiri atau kesilapan penyalin-penyalin atau perawi-perawi di bawahnya. Mungkin juga di sini Imam Bukhari menggunakan qaedah iqtibaas dan beliau sekadar memaksudkan iqtibaas daripada al-Qur’an sahaja, bukan memaksudkan apa yang disebutnya itu sebagai benar-benar al-Qur’an. Dalam iqtibaas perbezaan daripada yang asal seperti di atas boleh berlaku dan ia dikira sesuatu yang diharuskan. Demikianlah penjelasan al-Kirmaani.

⁷⁰⁴ Tujuan Bukhari mengemukakan kata-kata Rauh seperti ini ialah untuk menyatakan bahawa ayat terakhir itu hanya diriwayatkan oleh Rauh sahaja. Ia tidak diriwayatkan oleh kawannya Muhammad bin Ja’far. Tetapi ini tidaklah bererti Bukhari meriwayatkan kata-kata Rauh itu secara muzakarah. Apa yang disebut Rauh paling akhir itu juga diriwayatkan oleh Bukhari dengan sanad sebelumnya. Di dalam Kitaab Ahaadits al-Anbiyaa’ pula Imam Bukhari meriwayatkan daripada Muhammad bin Basysyaar daripada Muhammad bin Ja’far sahaja dengan lafaz فردته خاسنا (Maka aku melepaskannya dengan hina). Sedikit berbeza daripada lafaz Rauh di dalam riwayat ini. **Selain di sini Imam Bukhari** mengulang sebut hadits di atas pada empat tempat yang lain di dalam Sahihnya ini. Pertamanya dibawah باب قول الله تعالى وَوَهَبْنَا لِذَاوُدَ سُلَيْمَانَ نَعَمْ. Keduanya di bawah باب ما يجوز من العمل في الصلاة. Ketiganya di bawah باب قوله هب لي ملكا لا ينبغي لأحد من بعدي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. Dan keempatnya di bawah باب صفة إبليس وجنوده.

Antara panduan dan pengajaran yang terdapat di dalamnya ialah: (1) Keharusan memberkas atau mengikat orang tawanan di dalam masjid. Orang yang berhutang juga harus diberkas di dalam masjid berdasarkan qias. (2) Jin, ifrit, iblis, syaitan bukan sahaja mengganggu orang-orang biasa. Mereka juga mengganggu para nabi termasuk ketika sedang bersembahyang. (3) Para nabi walaupun diganggu syaitan, Allah tetap tidak membiarkan syaitan merasuk mereka. Allah malah memberi kuasa kepada mereka untuk menangkap syaitan-syaitan itu atau menghalau mereka. (4) Syaitan suka sekali

mengganggu orang yang bersembahyang dengan menimbulkan kekeliruan dan waswas. (5) Gangguan dalam apa bentuk sekalipun boleh menjejaskan rasa khusyu' di dalam sembahyang. (6) Syaitan memang tidak dapat dilihat dan tidak dapat dipegang, tetapi apabila ia berupa dengan rupa makhluk tertentu yang berjisim, pada ketika itu ia dapat dilihat atau ditangkap oleh manusia. (7) Nabi Sulaiman a.s. bukan sahaja menguasai (memerintah) alam manusia, bahkan baginda a.s. juga menguasai alam jin dan binatang. (8) Nabi s.a.w. tidak suka melebihkan diri daripada para nabi yang lain terutamanya dalam perkara-perkara yang merupakan keistimewaan mereka. (9) Sifat merendah diri dan bertolak ansur sangat ketara dalam peribadi Rasulullah s.a.w. (10) Doa para nabi diterima Allah. Antara doa Nabi Sulaiman a.s. yang diterima Allah dan menjadi kenyataan ialah beliau bukan sahaja menguasai (memerintah) alam manusia, bahkan menguasai juga alam jin dan binatang. (11) Dalam banyak hal hukum manusia boleh diqiaskan dengan hukum jin. Begitu juga sebaliknya. (12) Syaitan boleh menjelma dalam berbagai-bagai rupa.

باب الاغتسال إذا أسلم وربط الأسير أيضًا في المسجد وكان شريح يأمر الغريم أن يجلس إلى سارية المسجد

49- Bab Mandi Apabila Hendak Memeluk Agama Islam.⁷⁰⁵ Juga (Bab) Mengikat Orang Tawanan Di Dalam Masjid.⁷⁰⁶ Qadhi Syuraih Memerintahkan Supaya Ditahan (Dengan Diikat Atau Tidak) Orang Yang Berhutang Di Tiang Masjid.⁷⁰⁷

⁷⁰⁵ Hafiz Ibnu Hajar menulis di dalam Fathu al-Baari: "Demikianlah tajuk ini tersebut di dalam kebanyakan riwayat. Di dalam nuskah al-Ashili dan Karimah tidak terdapat perkataan *وربط الأسير* hingga ke akhir tajuk bab ini. Mengikut setengah-setengah perawi yang lain pula di sini hanya terdapat bab tanpa tajuk. Maka bab ini hanya merupakan fasal bagi bab sebelumnya. Mungkin juga Imam Bukhari r.a. meninggalkan tempat tajuk bab di atas dalam keadaan kosong sebelum beliau sempat mengisinya dengan sesuatu tajuk (yang sesuai). Apabila orang-orang kemudian mendapatinya kosong, mereka mengisinya dengan tajuk yang difikirkan sesuai. Salah satu bukti yang menyokong andaian ini ialah al-Isma'iili mengisi kekosongan itu dengan *باب دخول المشرك المسجد*. Sedangkan bukan metode Bukhari mengulang tajuk serupa di dalam kitabnya ini..." Memang benar kata Hafiz Ibnu Hajar itu, kerana tajuk yang dibuat al-Isma'iili di sini betul-betul sama dengan tajuk yang dibuat Bukhari pada bab ke 55 nanti. Hafiz Ibnu Hajar menulis lagi, katanya: "Ibnu al-Munaiyyir menda'wa bahawa tajuk bab di sini ialah *باب ذكر البيع والشراء في المسجد*. Kata beliau (Ibnu al-Munaiyyir): "Kesesuaiannya dengan kisah Tsumaamah ialah orang yang menganggap berjual beli di dalam masjid itu terlarang, memahaminya daripada umum sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi: *إنما بنيت المساجد لذكر الله* Bermaksud: Masjid-masjid itu dibina hanya untuk mengingati Allah. Menerusi bab ini Imam Bukhari r.a. mahu menyatakan umum sabda Baginda s.a.w. itu ditakhsiskan dengan beberapa perkara. Antaranya ialah mengikat atau memberkas orang tawanan di dalam masjid. Sebagaimana ia harus dilakukan di dalam masjid kerana sesuatu mashlahat, berjual beli di dalamnya juga (sepatutnya) harus kerana sesuatu mashlahat. (Kata Hafiz Ibnu Hajar) Pada pendapat saya, apa yang dikemukakan oleh Ibnu al-Munaiyyir ini tiada kena mengena langsung dengan tajuk jual beli di dalam masjid yang disebutnya itu. Tajuk bab yang disebut beliau itu langsung tidak terdapat di dalam mana-mana nuskah Bukhari. Kalau ada pun ia hanya tersebut di dalam hadits 'Aaisyah berhubung dengan kisah Barirah di bawah bab 43 dahulu. Ibnu al-Munaiyyir melanjutkan lagi perbincangannya dengan berkata: "Jika ada orang berkata: 'Kisah Tsumaamah ini lebih sesuai terletak di bawah bab sebelum ini iaitu *باب الأسير أو الغريم يربط في المسجد* (48- Bab Orang Tawanan Atau Orang Yang Berhutang Boleh Diikat Di Dalam Masjid)." Maka jawabannya ialah mungkin Bukhari menganggap kisah 'ifrit lebih sesuai dibuat dalil untuk maksud tajuk yang dibuatnya itu berbanding kisah Tsumaamah. Sebabnya ialah orang yang hendak memberkas 'ifrit itu ialah Nabi s.a.w. sendiri, sedangkan orang yang bertanggungjawab memberkas Tsumaamah pula ialah orang lain bukan Baginda s.a.w. Apabila Nabi s.a.w. melihat Tsumaamah dalam keadaan terikat, Baginda s.a.w. bahkan telah bersabda: "Lepaskan Tsumaamah dari ikatan." Perintah Rasulullah s.a.w. ini lebih patut dianggap sebagai bantahan Beliau s.a.w. terhadap pemberkasan Tsumaamah berbanding persetujuan atau pengesahan (taqrir) beliau terhadap pemberkasannya." Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Ibnu al-Munaiyyir semacam tidak melihat hadits ini selengkapnya, baik di dalam Sahih Bukhari sendiri atau di dalam kitab-kitab hadits yang lain. Padahal di akhir Kitab al-Maghaazi, dengan isnad yang sama Bukhari mengemukakan hadits ini dengan lengkap. Di dalamnya tersebut, Nabi s.a.w. bertemu dengan Tsumaamah dalam keadaan terikat dan diberkas sebanyak tiga kali dalam tiga hari berturut-turut. Perintah Rasulullah s.a.w. supaya dibuka ikatan Tsumaamah itu hanya baru berlaku pada hari ketiga. Muslim dan lain-lain juga meriwayatkan sama seperti yang diriwayatkan oleh Bukhari." Demikianlah komen Hafiz Ibnu Hajar terhadap keterangan Ibnu al-Munaiyyir. Tetapi kalau diingat kata-kata Hafiz Ibnu Hajar sendiri di permulaan komentarnya bahawa, mungkin juga Imam Bukhari r.a. telah meninggalkan tempat tajuk bab di atas dalam keadaan kosong sebelum beliau sempat mengisinya dengan sesuatu tajuk (yang sesuai). Lalu tempat kosong itu diisi oleh orang-orang kemudian dengan tajuk yang difikirkan mereka sesuai. Maka bukankah Ibnu al-Munaiyyir juga mempunyai hak, sama seperti al-Isma'iili dan orang-orang lain untuk mengisi kekosongan itu dengan tajuk yang difikirkan sesuai olehnya? Tajuk yang dibuat Ibnu al-Munaiyyir bebas daripada pengulangan tajuk serupa seperti yang dibuat oleh al-Isma'iili. Justeru ia tentu lebih baik daripada tajuk yang dibuat al-Isma'iili, walaupun kesesuaian tajuk dengan hadits di bawahnya seperti yang dikemukakan oleh Ibnu al-Munaiyyir itu agak jauh daripada jangkauan pemikiran orang-orang biasa. Mengikut al-'Aini, pendapat Ibnu al-Munaiyyir itu telah disokong oleh tokoh seperti Syekh Qutbuddin al-Halabi. Tetapi pengarang

Kitab at-Taudhih iaitu murid kepada Syeikh Qutbuddin al-Halabi tersebut, tetap tidak bersetuju dengan pendapat gurunya yang menyokong pendapat Ibnu al-Munaiyyir. Al-'Aini sendiri juga tidak bersetuju dengan pendapat Ibnu al-Munaiyyir atas alasan yang sama dengan alasan yang dikemukakan oleh Hafiz Ibnu Hajar. **Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari** atau tokoh-tokoh yang telah membincangkan tentang Al-Abwaab Wa At-Taraajim Bukhari seperti al-'Aini, Syah Waliyyullah, Rasyid Ahmad Ganggoi, Syeikh Zakariya dan lain-lain menganggap bab ini merupakan باب في الباب atau sebagai fasal dan takmilah bagi bab sebelumnya. Cuma mereka berbeza pendapat tentang adakah bab ini kosong daripada tajuk atau tajuknya hanya setakat إذا أسلم atau tajuknya memang lengkap seperti tersebut di atas? Al-'Aini adalah salah seorang tokoh yang berpendapat bab ini kosong daripada sebarang tajuk. Syeikh Zakariya berpendapat bab ini hanya berhenti setakat إذا أسلم seperti yang terdapat di dalam nuskah al-Ashili dan Karimah. Syah Waliyyullah, Rasyid Ahmad Ganggoi dan kebanyakan pensyarah yang lain pula berpendapat nuskah jumhur yang mengandungi tajuk bab dengan lengkap seperti tersebut di atas itulah yang betul. **Beberapa persoalan akan timbul** sekiranya anda menerima tajuk bab ini adalah lengkap seperti yang dikemukakan di atas. Antara lainnya ialah: (1) Mandi apabila hendak masuk Islam itu apa kena mengenanya dengan bab masjid yang sedang dibicarakan sekarang? Bukankah ia lebih sesuai diletakkan dan dibincangkan di dalam bab bersuci? (2) Bukankah Bukhari telah membuat bab sebelum ini tentang menambat dan mengikat orang tawanan di dalam masjid? Apa perlunya beliau menyebut semula sesuatu yang telah disebut? Dan dengan berbuat begitu, bukankah Bukhari telah melanggar iltizam yang dibuatnya, bahawa beliau tidak akan mengulang tajuk serupa di dalam kitabnya ini seperti kata Hafiz Ibnu Hajar tadi?? Dua persoalan inilah sebenarnya menjadi asas kepada golongan yang berpendapat bahawa bab ini adalah bab tanpa sebarang tajuk. Tajuk yang ada itu sesungguhnya bukanlah tajuk yang dibuat Bukhari sendiri. Ia tidak lebih daripada tokok tambah orang-orang kemudian! Orang-orang yang menerima tajuk bab di atas selengkapnya pula berhempas pulas dalam percubaan mereka membuhul dua kemusykilan yang tersebut tadi. Antara jawapan yang diberikan mereka ialah: (1) Salah satu metode Bukhari di dalam kitab Sahihnya ini ialah beliau akan membuat satu bab yang ada kaitan dengan bab sebelumnya sebagai satu fasal bagi bab sebelumnya itu. Sama ada untuk menyatakan sesuatu perkara baharu yang ada kaitan dengan bab sebelumnya atau untuk menyatakan ada lagi perkara lain yang dapat difahami daripada hadits di bawah bab kedua selain daripada yang telah difahami daripada hadits di bawah bab pertama. Atau untuk maksud-maksud yang lain lagi selain itu. (2) Rasyid Ahmad al-Ganggoi berpendapat, Bukhari mengadakan bab di bawah bab ini untuk menyatakan tiga perkara sekurang-kurangnya, iaitu: (a) Bab ini merupakan fasal bagi bab sebelumnya. Ia masih berkait rapat dengan bab sebelumnya. Kalau bab pertama dengan hadits di bawahnya menyatakan keharusan memberkas dan mengikat orang tawanan di dalam masjid, bab kedua juga menyabitkan perkara yang sama. Cuma hadits di bawah bab pertama menceritakan tentang pemberkasan jin 'ifrit. Hadits di bawah bab kedua pula menceritakan tentang pemberkasan seorang manusia bernama Tsumaamah. (b) Hadits di bawah bab kedua ini selain menyatakan keharusan menambat dan mengikat orang tawanan di dalam masjid, menyatakan juga suatu perkara lain iaitu mandi sebelum memeluk agama Islam. (c) Hukum orang tawanan dan orang yang berhutang harus diberkas di dalam masjid sebenarnya sudah diperolehi menerusi qaedah qias. Kalau jin 'ifrit boleh diberkas di dalam masjid, kenapa orang tawanan dan orang yang berhutang tidak boleh? Itulah inti pati tajuk bab pertama. Dengan mengemukakan tajuk bab kedua ini pula Imam Bukhari r.a. seolah-olahnnya berkata: "Kalau kamu masih tidak berpuas hati dengan qaedah qias yang saya kemukakan sebelum ini, maka di bawah bab ini saya bantangkan pula satu hadits lain yang dengan jelas menunjukkan keharusannya." **Di samping menerima semua pandangan yang diberikan Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggoi dan lain-lain tokoh, penulis ingin menambahkan tiga lagi kemungkinan untuk maksud Bukhari mengadakan bab ini. Pertamanya ialah Bukhari mahu mengisyaratkan kepada dua thariq (saluran riwayat) lain bagi riwayat di bawah bab ini. Oleh kerana ia tidak menepati piawan kitab Sahihnya, beliau tidak mengemukakannya di sini. Apa yang dilakukan oleh beliau hanyalah sekadar mengisyaratkan kepadanya sahaja. Tujuan Bukhari mengisyaratkan kepada dua riwayat itu ialah untuk menyabitkan hukum istihbabnya mandi apabila seseorang memeluk agama Islam atau hendak memeluk agama Islam. Walaupun di dalamnya tersebut perintah Rasulullah s.a.w. kepada Tsumaamah supaya pergi mandi, ia tidak boleh difahami sebagai perintah wajib. Kerana selain perintah itu masih tidak jelas maksudnya, riwayat yang memuatkan perintah itu sendiri adalah riwayat yang tidak menepati syarat beliau. Ia paling tinggi bertaraf hasan dan paling tinggi dapat memberikan hukum istihbaab sahaja. Supaya lebih jelas, di bawah ini diperturunkan kedua-dua teks riwayat berkenaan bersama-sama dengan isnad dan terjemahannya:**

(١) حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ ثَمَامَةَ بْنَ أَثَالٍ أَوْ أَثَالَةَ أَسْلَمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اذْهَبُوا بِهِ إِلَى خَائِطِ بَنِي قُلَانٍ فَمَرُّوهُ أَنْ يَغْتَسِلَ

Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan bahawa sesungguhnya Tsumaamah bin Utsaal atau Utsaalah memeluk agama Islam. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu bawalah dia pergi ke kebun Bani fulan dan suruhlah dia mandi.” (Hadits riwayat Ahmad di dalam Musnadnya). Di dalam isnad hadits ini ada seorang perawi yang dipertikaikan oleh tokoh-tokoh ‘ulama’ Rijaal. Dia ialah ‘Abdullah bin ‘Umar al-‘Umari. Al-Haitsami di dalam Majma’ az-Zawaa’id berkata: “Ibnu Ma’in dan Abu Ahmad mengatakan dia tsiqah. Orang-orang lain selain daripada mereka berdua mengatakan dia dha’if. Tetapi tidaklah sampai mengatakan dia pendusta.”

(٢) أَخْبَرَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ قَالَ أَخْبَرَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ وَعَبْدُ اللَّهِ ابْنَا عَمْرٍو عَنْ سَعِيدِ الْمَقْبَرِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ ثُمَامَةَ الْحَنْفِيَّ أَسْرَ فَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْدُو إِلَيْهِ فَيَقُولُ مَا عِنْدَكَ يَا ثُمَامَةُ فَيَقُولُ إِنِّي تَقْتُلُ تَقْتُلُ ذَا دَمٍ وَإِنْ تَمَنُّ تَمَنُّ عَلَى شَاكِرٍ وَإِنْ تَرُدُّ الْمَالَ نَعُطُ مِنْهُ مَا شِئْتَ وَكَانَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْبُونَ الْفِدَاءَ وَيَقُولُونَ مَا نَصْنَعُ يَقْتُلُ هَذَا فَمَرَّ عَلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا فَأَسْلَمَ فَحَلَهُ وَيَعِثُ بِهِ إِلَى حَانِطِ أَبِي طَلْحَةَ فَأَمَرَهُ أَنْ يَغْتَسِلَ فَاغْتَسَلَ وَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَدْ حَسَنَ إِسْلَامُ أَخِيكُمْ

Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan bahawa (setelah) Tsumaamah al-Hanafi ditawan, Nabi s.a.w. pergi menemuinya beberapa kali di waktu pagi. Baginda s.a.w. bertanya: “Apa pilihanmu wahai Tsumaamah?” Jawab Tsumaamah: “Jika engkau membunuhku, bererti engkau membunuh seorang yang akan dituntut bela darahnya (kematianannya). Jika engkau ampunkan, bererti engkau ampunkan seorang yang tahu mengenang budi. Dan jika engkau mahukan harta, kami dapat berikan kepadamu sebanyak mana harta yang engkau mahu.” Para sahabat lebih sukakan (wang) tebusan. Kata mereka: “Untuk apa kita bunuh orang ini?!” Pada suatu hari, setelah Rasulullah s.a.w. pergi kepadanya, dia memeluk agama Islam. Maka Nabi s.a.w. memerintahkan supaya ikatannya dibuka dan menghantarnya ke kebun Abi Thalhah. Baginda s.a.w. menyuruhnya mandi. Setelah dia selesai mandi dan bersembahyang dua raka’at, Nabi s.a.w. bersabda: “Sudah elok benar Islam saudaramu ini.” Di dalam isnad hadits ini juga terdapat ‘Abdullah bin ‘Umar al-‘Umari, tetapi oleh kerana ia disokong oleh saudaranya ‘Ubaidullah, sesetengah ‘ulama’ hadits menganggap hadits ini sahih. Adakah ‘Ubaidullah turut meriwayatkan hadits ini sebenarnya? Ia adalah sesuatu yang diragui oleh sesetengah ‘ulama’ hadits. Kerana itulah al-Bazzaar berkata: وهذا الحديث لا نعلم رواه عن عبيد الله إلا عبد الرزاق Bermaksud: Kita tidak mengetahui ada orang lain selain ‘Abdur Razzaaq meriwayatkan hadits ini daripada ‘Ubaidullah.” (Lihat Musnad al-Bazzaar j.2 hal.436). Abu Muhammad ‘Abdul Haq al-Isybili dan Ibnu al-Mulaqqin juga menukikan kata-kata al-Bazzaar ini di dalam kitab mereka masing-masing. (Lihat al-Ahkam as-Syar’iyyah al-Kubra dan al-Badru al-Munir). Selain itu banyak juga terdapat percanggahan hadits ini dengan hadits yang di riwayatkan oleh Bukhari dan Muslim berhubung dengan kisah Tsumaamah bin Utsaal memeluk Islam itu. Antara percanggahannya ialah: (a) Di dalam riwayat Bukhari dan Muslim tidak tersebut perintah Nabi kepada Tsumaamah supaya pergi mandi seperti yang terdapat di dalam riwayat ‘Abdur Razzaaq ini. (b) Mengikut riwayat ‘Abdur Razzaaq ini Tsumaamah pergi mandi setelah memeluk Islam. Sedangkan berdasarkan riwayat Bukhari dan Muslim dia memeluk Islam setelah selesai mandi. (c) Mengikut riwayat ‘Abdur Razzaaq, ikatan Tsumaamah dibuka setelah dia memeluk agama Islam. Zahir riwayat Bukhari dan Muslim pula menunjukkan ikatan Tsumaamah dibuka sebelum beliau memeluk Islam. Jika dilihat kepada percanggahan hadits ini dengan hadits riwayat Bukhari dan Muslim, maka ia nampaknya tidak terlepas daripada apa yang dikatakan sebagai syuzuz di dalam matan yang membawa kepada kelemahannya juga. Kerana itulah penulis berpendapat hadits-hadits ini paling tinggi hanya bertaraf hasan bukan sahih. Kerana itulah juga Bukhari tidak mengemukakannya di dalam Sahihnya meskipun pada lahirnya hadits ‘Abdur Razzaaq itu menepati syarat beliau. Imam Bukhari berasa cukup dengan hanya mengisyratkan kepadanya semata-mata. Tidak kerana lain melainkan kerana ia dalam erti kata sebenarnya tidak menepati syarat beliau untuk Sahihnya. **Keduanya ialah** Bukhari mahu menarik perhatian para pelajar dan para pembaca kitabnya kepada satu persoalan khilaf yang masyhur di kalangan ‘ulama’, iaitu hukum mandi orang yang hendak memeluk agama Islam atau baru memeluk agama Islam. Oleh kerana para ‘ulama’ berbeza pendapat dalam masalah ini, mereka pula mempunyai dalil dan hujah masing-masing, maka Bukhari tidak membuat sebarang penegasan di dalam tajuk bab yang dibuatnya. Beliau sebaliknya hanya berkata: “Bab Mandi Apabila Hendak Memeluk Agama Islam” tanpa menyebutkan hukumnya sama ada sunat, wajib, mustahab atau lain-lain lagi. Padahal beliau sendiri berpendapat hukumnya adalah mustahab. **Para ‘ulama’ terbahagi kepada empat golongan** dalam menghadapi masalah ini. (1) Golongan yang mengatakan mandi itu wajib secara mutlaq, sama ada terdapat pada orang yang baru memeluk agama Islam itu sebab yang mewajibkan mandi atau tidak. Yang dimaksudkan dengan sebab yang mewajibkan mandi itu ialah seperti berjunub, berhaidh atau bernifas. Antara tokoh yang termasuk dalam golongan pertama ini ialah Imam Ahmad, Syafi’e dalam salah satu pendapatnya (qaul qadimnya), Abu Tsaur, Ibnu al-Munzir, asy-Syaukaani dan lain-lain. Hujah dan dalil mereka selain zahir hadits-hadits yang disebutkan sebelum ini ialah hadits Qais bin ‘Aashim. Kata Qais: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرِيدُ الْإِسْلَامَ فَأَمَرَنِي أَنْ أَغْتَسِلَ بِمَاءٍ وَيَذَّرَ Bermaksud: Aku pergi kepada Nabi s.a.w. untuk memeluk agama Islam. Baginda s.a.w. menyuruh aku mandi dengan (menggunakan) air dan daun bidara (maksud

Baginda s.a.w. ialah air yang diramas daun bidara di dalamnya). (Hadits riwayat Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ahmad dan Ibnu Khuzaimah. Lafaz hadits yang dikemukakan di atas adalah berdasarkan riwayat Abu Daud). Imam Tirmizi mengatakan hadits ini hasan. (2) Ia harus semata-mata. Bukan syarat atau wajib atau sunat kepada orang-orang yang hendak memeluk Islam atau baru memeluk Islam. Alasannya ialah ramai sekali manusia memeluk agama Islam semasa hayat Nabi s.a.w. terutamanya pada ketika berlakunya pembukaan Mekah. Tetapi tidak dinukilkan semua mereka mandi selepas memeluk Islam atau semua mereka dituntut dan diperintahkan supaya mandi terlebih dahulu sebelum memeluk Islam. Mereka juga berpegang dengan umum hadits yang diriwayatkan oleh 'Amar bin al-'Aash bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *إن الإسلام يجب ما كان قبله من الذنوب* Bermaksud: Islam menggugurkan segala dosa yang lalu. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Thabaraani, Baihaqi dan lain-lain). Mafhum hadits ini ialah segala perkara dosa atau kesalahan seseorang yang berkaitan dengan Allah semasa dalam kekufuran akan dihapus kira apabila ia memeluk agama Islam. Maka termasuklah di dalamnya tidak mandi apabila berjunub atau apabila suci daripada haidh semasa kafir dahulu. Kenapa pula selepas memeluk agama Islam dia perlu mandi untuk mengangkat hadats yang berlaku semasa dia masih dalam kekufuran, setelah segala-galanya dihapus kirakan?! Ini ialah salah satu pendapat Imam Malik dan pendapat sesetengah tokoh 'ulama' dalam mazhabnya. Ia juga merupakan salah satu pendapat Imam Abu Hanifah. (3) Abu Hanifah, Malik dan Syafi'e dalam qaul jadidnya berpendapat, tidak wajib jika tidak terdapat padanya sebab yang mewajibkan mandi. Tetapi menjadi wajib jika ada sebabnya. Kemudian mereka ini berbeza pendapat tentang orang kafir yang ada padanya sebab yang mewajibkan mandi lalu ia mandi sebelum memeluk agama Islam. Adakah mandinya itu sudah dikira memadai atau tidak? Hanafiyyah berpendapat memadai. Selepas memeluk Islam tidak perlu lagi ia mandi. Ini kerana bagi mereka niat bukan merupakan syarat dalam berwudhu' dan mandi wajib. Malikiyyah dan Syafi'iyah pula berpendapat tidak memadai. Sebabnya ialah bagi mereka niat adalah syarat untuk sahnya wudhu' dan mandi wajib. Dan niat orang kafir kalau pun ada, tidak terpakai dan tidak diambil kira. Tetapi Imam Malik berpendapat, jika seseorang kafir sudah bertekad dan membuat keputusan untuk masuk Islam selepas mandinya, maka mandinya itu dikira memadai dan sah. Selepas memeluk agama Islam dalam keadaan ini ia tidak perlu mandi semula. (4) Imam Bukhari dan jumhur 'ulama' termasuk Abu Hanifah, Malik dan Syafi'e berpendapat mandi kepada orang yang hendak memeluk agama Islam atau baru memeluk agama Islam itu paling tinggi adalah mustahab (dianggap elok) sahaja, bukan wajib atau sunat. Perbezaan pendapat tiga imam yang tersebut ini dengan pendapat Bukhari hanya terletak pada mereka menganggap mustahab jika tidak ada sebab yang mewajibkan mandi. Dalam keadaan ada sebab pula mereka menganggap mandi itu bukan mustahab lagi tetapi wajib. Sedangkan Bukhari pula menganggap mustahab dalam semua keadaan. Dalil Bukhari dalam masalah ini selain dalil-dalil yang dipakai oleh golongan kedua yang disebutkan tadi ialah hadits Tsumaamah bin Utsaal yang dikemukakan beliau di bawah bab ini. Di dalamnya langsung tidak tersebut Rasulullah s.a.w. menyuruhnya mandi sama ada sebelum memeluk agama Islam atau selepasnya. Hadits Nabi s.a.w. yang berpesan kepada Mu'aaz ketika Baginda s.a.w. mengutuskannya ke Yaman juga menjadi pegangan golongan ini. Di dalamnya tersebut Nabi s.a.w. berkata kepada Mu'aaz: *ادعهم إلى شهادة أن لا إله إلا الله وأني رسول الله فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله قد أقرضهم خمس صلوات في كل يوم وليلة فإن هم أطاعوا لذلك فأعلمهم أن الله أقرضهم صنف في أموالهم يؤخذ من أغنيائهم وترد على فقرائهم* Bermaksud: "Da'wahlah mereka sehingga mereka bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang lain melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah. Kalau mereka sudah menerima itu, beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka lima sembahyang dalam sehari semalam. Kalau itu (juga) diterima mereka, beritahulah pula kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat pada harta benda mereka. Ia diambil dari orang-orang kaya dan diberikan kepada orang-orang miskin dari kalangan mereka. (Hadits riwayat Bukhari dengan isnadnya dari Ibnu 'Abbaas). Di dalam hadits ini juga langsung tidak tersebut perintah Nabi s.a.w. tentang mandi sama ada sebelum atau selepas memeluk agama Islam. Maka bagaimana akan dikatakan ia sesuatu yang wajib?? **Ketiganya ialah** Bukhari berpendapat orang yang hendak masuk Islam lebih mustahab lagi mandi jika ia hendak mengucapkan dua kalimah syahadah di dalam masjid. Kerana Rasulullah s.a.w. mentaqrirkan (menerima tanpa sebarang teguran) perbuatan Tsumaamah pergi mandi sebelum beliau mengucapkan dua kalimah syahadahnya di dalam masjid. Walaupun perbuatan itu dilakukan Tsumaamah bukan dengan perintah Baginda s.a.w. Nah! Di sinilah sebenarnya terletak perkaitan tajuk bab di atas dengan masjid. Soal mandi sebelum atau selepas mengucap dua kalimah syahadah (memeluk agama Islam) juga merupakan perkara khilaf di kalangan 'ulama', setelah mereka menerima ia wajib, sunat, atau mustahab. Imam Bukhari dan orang-orang yang sependapat dengannya berkata, ia mustahab sebelum bersyahadah. Menurut Imam an-Nawawi, tokoh-tokoh dalam mazhab Syafi'e berpendapat, ia mustahab atau wajib selepas mengucap dua kalimah syahadah. Seseorang tidak

٤٤٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي سَعِيدٍ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْلًا قَبْلَ نَجْدٍ فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي حَنِيفَةَ يُقَالُ لَهُ ثُمَامَةُ بْنُ أَثَالٍ فَرَبَطُوهُ بِسَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ فَخَرَجَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَطْلِقُوا ثُمَامَةَ فَأَنْطَلَقَ إِلَى نُخْلٍ قَرِيبٍ مِنَ الْمَسْجِدِ فَاعْتَسَلَ ثُمَّ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَقَالَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

442- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa'id bin Abi Sa'id meriwayatkan kepada kami bahawa dia telah mendengar Abu Hurairah menceritakan, katanya: Pernah Nabi s.a.w. menghantar satu pasukan berkuda ke arah Najd.⁷⁰⁸ Pasukan itu membawa seorang lelaki dari Bani Hanifah bernama Tsumaamah bin Utsaal (sebagai tawanan).⁷⁰⁹ Mereka pun mengikatnya di salah satu tiang masjid. Setelah Nabi s.a.w. keluar kepadanya, Baginda s.a.w. berkata: "Lepaskan Tsumaamah." (Sebaik saja dilepaskan)

harus membenarkan atau menangguh-nangguhkan ucapan dua kalimah hingga seseorang kafir yang hendak memeluk agama Islam selesai mandi terlebih dahulu.

⁷⁰⁶ Klausu ini memberi erti bab ini juga seperti bab sebelumnya berkaitan dengan pemberkasan orang tawanan di dalam masjid. Oleh kerana terdapat perkara lain lagi di dalam hadits di bawahnya, maka ia diletakkan di bawah bab berasingan.

⁷⁰⁷ Ta'liq ini diwashalkan oleh Ma'mar daripada Ayyub daripada Ibnu Sirin, kata beliau: إذا كان شريح Bermaksud: "Qadhi Syuraih kalau memutuskan kes terhadap seseorang kerana menanggung hutang, akan memerintahkan dia ditahan di dalam masjid (terlebih dahulu), sehingga dia membayar hutang yang ditanggungnya. Orang yang berhutang tidak akan dilepaskannya selagi tidak membayar hutang. Kalau orang yang berhutang itu tidak juga membayar hutangnya, Qadhi Syuraih akan memerintahkan supaya dia dipenjara." Atsar ini jelas dijadikan asas oleh Bukhari untuk menyokong bahagian kedua di dalam tajuk bab 48 yang lalu. Kewajaran Imam Bukhari r.a. menyebutkan atsar Qadhi Syuraih itu di dalam tajuk bab 89 ini akan terserlah nyata jika kita mengatakan bab 89 ini merupakan fasal atau takmilah kepada bab 48 sebelumnya. Orang-orang yang memisahkan bab 49 dari bab 48 akan terus terpinga-pinga tanpa penghujung dalam mencari kesinambungan tajuk bab ini dengan hadits di bawahnya.

⁷⁰⁸ Tokoh-tokoh 'ulama' hadits dan sirah mengatakan pasukan ini dipimpin oleh Muhammad bin Maslamah. Ia dihantar oleh Rasulullah s.a.w. ke Qurathaa' yang terletak di sebelah Najd al-Yamaamah selepas perang Ahzaab pada 10 Muharram tahun keenam Hijrah. Jarak Qurathaa' dari Madinah ialah kira-kira tujuh hari perjalanan. Pasukan berkuda yang dipimpin oleh Muhammad bin Maslamah ini hanya terdiri dari tiga puluh orang sahaja. Dalam operasi itu mereka telah berjaya membunuh sepuluh orang musuh, sementara yang lain-lain lagi cabut lari dengan meninggalkan seratus ekor unta dan tiga ribu ekor kambing. Itulah antara harta rampasan perang yang diperolehi pasukan berkuda yang dipimpin oleh Muhammad bin Maslamah ini. Selepas sembilan belas hari iaitu pada 29 Muharram mereka baru sampai ke Madinah dengan membawa pulang harta ghanimah tersebut untuk diserahkan kepada Rasulullah s.a.w.

⁷⁰⁹ Tsumaamah bin Utsaal ialah seorang pemimpin orang-orang Yamaamah. Mengikut keterangan sesetengah 'ulama', dia adalah raja di Yamaamah. Sebelum memeluk agama Islam dia sangat benci kepada Rasulullah s.a.w. dan agama Islam yang dibawa Baginda. Atas dorongan dan galakan Musailimah al-Kazzaab, dia malah telah bercita-cita untuk membunuh Nabi s.a.w. Selepas memeluk agama Islam dia menjadi muslim yang sangat baik dan sangat setia kepada agama. Ketika ramai penduduk Yamaamah menjadi murtad kerana terpedaya dengan Musailimah al-Kazzaab, beliau tetap berpegang teguh dengan agama Islam. Seramai tiga ribu orang pengikut Musailimah telah berpaling tadah dan meninggalkannya setelah mendengar nasihat Tsumaamah. Untuk menentang golongan murtad yang agak kuat di Yamaamah dan Bahrain, Tsumaamah dan pengikut-pengikutnya telah bergabung dengan pasukan al-'Alaa' bin al-Hadhrami, 'Ikrimah bin Abi Jahal, Khalid bin al-Walid dan lain-lain.

Maka pergilah dia ke kebun tamar yang berdekatan dengan masjid lalu mandi. (Setelah selesai mandi) Dia masuk (pula) ke dalam masjid dan terus mengucapkan dua kalimah syahadah *أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ* (Aku bersaksi bahawasanya tiada tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad adalah pesuruh Allah).⁷¹⁰

بَابُ الْحَيْمَةِ فِي الْمَسْجِدِ لِلْمَرْضَى وَغَيْرِهِمْ

50- Bab Memasang Khemah Di Dalam Masjid Untuk Orang-Orang Sakit Dan Orang-Orang Lain Selain Mereka.⁷¹¹

⁷¹⁰ Imam Bukhari telah mengulang sebut (athraaf) hadits ini pada empat tempat lain selain di sini, iaitu: (1) Dibawah *باب دخول المشرك المسجد* beliau mengambilnya daripada Qutaibah. (2) Di bawah *باب الرِّبْطِ وَالْحَبْسِ فِي الْحَرَمِ* juga beliau mengambilnya daripada Qutaibah. (3) Di bawah *باب وقد بني حنيفة وحديث ثمامة بن أثال* beliau mengambilnya daripada 'Abdullah bin Yusuf. (4) Di bawah *باب وقد بني حنيفة* juga beliau mengambilnya daripada 'Abdullah bin Yusuf. Yang paling lengkap dan panjang di antaranya ialah yang tersebut di bawah *باب وقد بني حنيفة*. Selain Bukhari hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ahmad, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain. Antara pengajaran, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Orang kafir sama ada Ahli Kitab atau bukan Ahli Kitab seperti Tsumaamah di dalam hadits di atas boleh masuk ke dalam masjid. (2) Orang Islam boleh membawa masuk orang kafir ke dalam masjid kerana sesuatu keperluan. (3) Tubuh orang kafir dan musyrik tidak najis. Yang dikatakan najis di dalam al-Qur'an itu ialah kepercayaannya bukan tubuhnya. Kalau tidak bagaimana Rasulullah s.a.w. boleh membiarkan Tsumaamah berada di dalam masjid selama tiga hari sebelum dia memeluk Islam. (4) Orang kafir yang ditawan dalam peperangan boleh di berkas atau diikat di dalam masjid. (5) Orang kafir yang ditawan boleh dibebaskan oleh pemimpin Islam secara percuma tanpa dikenakan sebarang tebusan. (6) Dalam keadaan tidak ada tempat khusus untuk menahan orang bersalah, masjid juga boleh dijadikan sebagai tempat tahanan sementara. (7) Tujuan menahan orang kafir yang ditawan di dalam masjid ialah supaya ia dapat mendengar kalam Allah, ajaran Islam yang disampaikan di dalamnya, melihat cara bersembahyang orang-orang Islam, disiplin masyarakat Islam dan lain-lain lagi. (8) Mandi sebelum atau selepas memeluk agama Islam termasuk salah satu perkara yang mustahab atau dianggap elok oleh jumhur 'ulama'. (9) Berdasarkan hadits di atas sesetengah 'ulama' seperti Imam Bukhari r.a. dan lain-lain berpendapat, orang kafir yang hendak memeluk agama Islam lebih elok mandi sebelum mengucapkan dua kalimah syahadah. Terutamanya di tempat-tempat yang suci seperti masjid. (10) Imam Bukhari, Ibnu al-Munzir dan ramai lagi tokoh-tokoh 'ulama' yang lain menyimpulkan dari hadits ini keharusan orang Islam yang berjunub masuk dan berada di dalam masjid. Ini kerana keadaan mereka tentu sekali lebih baik daripada orang kafir. Kalau orang kafir pun boleh masuk ke dalam masjid dan boleh berada di dalamnya selama beberapa hari, padahal Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an: *إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ* (Sesungguhnya orang-orang musyrik itu najis), orang Islam yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. *إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَا يَنْجَسُ* (Sesungguhnya orang mu'min itu tidak najis), tentulah lebih-lebih lagi boleh. (11) Kalimah syahadah merupakan pintu gerbang atau kata laluan untuk masuk ke dalam agama Islam. (12) Masjid di mana Tsumaamah diikat pada salah satu tiangnya itu ialah masjid Nabi s.a.w. sendiri. (13) Mengucap dua kalimah syahadah adalah rukun Islam yang pertama dan yang paling utama. Hakikat ini diketahui juga oleh orang-orang kafir, walaupun mereka hanya mempunyai sedikit sahaja pengetahuan tentang ugama Islam.

⁷¹¹ Boleh dikatakan kesemua pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyatakan keharusan memasang khemah di dalam masjid apabila diperlukan. Sama ada khemah itu dipasang untuk merawat orang sakit atau untuk maksud-maksud yang lain. Cuma para 'ulama' yang berpegang dengan mazhab yang menghukum darah manusia sebagai najis, kebingungan juga apabila berhadapan dengan hadits di bawah bab ini. Kerana itu mereka cuba mengemukakan beberapa ta'wilan untuk menyelamatkan pegangan mereka berhubung dengan kenajisan darah itu. Al-'Aini, Rasyid Ahmad Ganggohi dan Anwar Syah Kasymiri di dalam syarah masing-masing mengemukakan beberapa ta'wilan golongan ini. Antara lainnya ialah: (1) Malik dan Ahmad berpegang dengan hadits ini tentang najis tidak wajib dihilangkan. Sekiranya ia wajib, tentulah Nabi s.a.w. tidak membenarkan orang yang luka menetap di dalamnya. Inilah juga qaul qadim Syafi'e. (2) Ada juga orang berkata, sebabnya Rasulullah s.a.w. membenarkan Sa'ad berada di dalam masjid itu

ialah kerana lukanya telah pun bertaut. Maka tiadalah lagi kebimbangan akan tumpah darahnya yang merupakan najis itu. (3) Ada juga orang yang berpaut dengan riwayat ahli sirah seperti Ibnu Ishaq dan lain-lain yang menggambarkan bahawa masjid yang tersebut di dalam hadits ini sebenarnya bukan masjid Nabi s.a.w. dan bukan juga masjid dalam erti kata sebenarnya iaitu masjid istilahi atau masjid fiqhi. Ia tidak lebih dari tempat sembahyang sementara di mana Nabi s.a.w. bersembahyang dengan para sahabatnya ketika mereka mengepung orang-orang Yahudi dari kalangan Bani Quraizah selepas tamat peperangan Khandaq. Apa ertinya keterangan hadits di atas yang menyebutkan “supaya Baginda dapat menziarahinya dari dekat”, kalau masjid itu bukan masjid dengan erti tempat sembahyang di perkampungan Bani Salimah yang berhampiran dengan benteng puak Bani Quraizah? Benteng Bani Quraizah dikepung Nabi s.a.w. dan para sahabat selama dua puluh lima hari. Apabila Banu Quraizah bersetuju untuk turun dari benteng mereka dengan menerima apa saja keputusan Sa’ad yang merupakan ketua sekutu mereka dari kalangan Anshaar, Nabi s.a.w. memerintahkan supaya Sa’ad dibawa ke situ. Setelah Sa’ad sampai, Baginda s.a.w. menempatkannya di tempat sembahyang yang disebut sebagai masjid di dalam hadits ini. Di dalam masjid inilah luka Sa’ad kembali mengeluarkan darah sehingga mengalir ke dalam khemah Bani Ghifaar yang tersebut di dalam hadits yang sama. Di situlah juga Sa’ad menghembuskan nafasnya yang terakhir. Jarak masjid Nabi s.a.w. dari situ ialah kira-kira enam batu. Dalam jarak sejauh itu apakah ertinya kata perawi, “supaya Baginda dapat menziarahinya dari dekat”, kalau Nabi s.a.w. berada di rumahnya dan Sa’ad pula berada di tempat sembahyang berhampiran benteng Bani Quraizah?? Jadi maksud mereka ialah kalau masjid yang diperintah Rasulullah s.a.w. supaya dipasang khemah untuk Sa’ad itu sebenarnya bukan masjid, tidak hairanlah kalau Baginda s.a.w. tidak peduli sangat tentang darah yang mungkin akan tumpah di dalamnya! **Bagi penulis**, selain bermaksud menyatakan keharusan memasang khemah di dalam masjid apabila diperlukan, Imam Bukhari r.a. juga mahu mengisyratkan kepada lima perkara lain lagi, iaitu: (1) Pendapat beliau berhubung dengan darah manusia yang keluar dari tubuhnya dengan sebab luka dan sebagainya. Menurut beliau darah yang keluar atau terkeluar dari tubuh manusia kerana luka dan sebagainya tidak najis. Darah manusia yang najis hanyalah darah haidh dan nifas. Kerana itulah Nabi s.a.w. tidak kisah sangat tentang kemungkinan akan terkeluar darah dari luka Sa’ad, apabila Beliau s.a.w. mengarahkan sebuah khemah dipasang di dalam masjid untuk dirawat Sa’ad di dalamnya. (2) Mengisyratkan kepada keinginan dan harapan seseorang yang sakit teruk. Orang sakit sememangnya mahu berada dekat dengan orang-orang yang disayangnya. Apa lagi orang-orang yang sakit teruk. Mereka adakalanya lebih suka dikunjungi oleh orang-orang yang disayangi sekerap mungkin. Bagi seorang sahabat seperti Sa’ad, tidak ada orang lain yang lebih disenangi dan disayangnya daripada Nabi s.a.w. (3) Masjid yang tersebut di dalam hadits ini ialah masjid Nabi s.a.w. Ia bukan semata-mata tempat sembahyang seperti yang digambarkan oleh sesetengah ahli sirah. Maksud kata perawi, “supaya Baginda dapat menziarahinya dari dekat” itu ialah setelah Sa’ad terkena anak panah dalam peperangan Khandaq (atau dipanggil juga perang Ahzaab) dan setelah beliau dikembalikan ke rumahnya dari kawasan parit yang digali para sahabat untuk melindungi Madinah dari serangan musuh. Memanglah dekat kedudukan Sa’ad dengan Rasulullah s.a.w. apabila dia diletakkan di dalam masjid Baginda s.a.w. Ini kerana rumah Rasulullah s.a.w. terletak bersebelahan dengan masjid saja. Tidak jelas di dalam mana-mana riwayat pun Sa’ad menghembuskan nafas terakhirnya di dalam khemah berhampiran dengan benteng Bani Quraizah. Mungkin sekali setelah membuat keputusan tentang Bani Quraizah, Sa’ad dikembalikan semula ke khemah asalnya di masjid Nabi s.a.w. dan di situlah hayatnya berakhir. Imam Bukhari juga menerima konsep masjid yang diterima oleh ahli sirah itu. Beliau cuma mahu menyabitkan khemah telah dipasang terlebih dahulu untuk Sa’ad di dalam masjid Nabi s.a.w., sebelum beliau dijemput ke kawasan Bani Quraizah dan dipasang pula di sana khemah untuknya. Tidakkah ada kemungkinan urat darah Sa’ad pecah ketika beliau berada di dalam masjid Nabi s.a.w.? Dalam keadaan ada kemungkinan itu, kenapa Rasulullah s.a.w. menempatkan juga Sa’ad di dalam masjidnya? Bagi Bukhari ini semua menunjukkan darah manusia bukanlah sesuatu yang perlu dirisaukan sangat walaupun ia tertumpah di dalam masjid. Kerana ia bukannya najis. (4) Bukan khemah untuk Sa’ad sahaja diperlukan apabila beliau dipindahkan ke masjid Nabi s.a.w. Khemah untuk penjaga dan perawatnya juga sudah tentu diperlukan. Untuk itulah Bukhari menambahkan perkataan *وغيرهم* di akhir tajuk bab ini. Kata al-Aini: “Khemah Bani Ghifaar yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini ialah khemah Ruqaiyyah al-Anshaariyyah. Kata sesetengah ‘ulama’ al-Aslamiyyah. Kerja beliau ialah merawat orang-orang yang luka selain memberikan khidmat secara sukarela kepada orang-orang Islam yang menderita.” Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain pula menyebutkan nama Rufaidah sebagai perawat Sa’ad di dalam masjid Nabi s.a.w. itu. Mungkin juga Rufaidah turut terlibat dalam merawat Sa’ad. Keterangan al-Aini dan Hafiz Ibnu Hajar ini menunjukkan orang-orang perempuan juga tidak ketinggalan dalam memberikan khidmat mereka kepada masyarakat di zaman Rasulullah s.a.w. Orang perempuan juga dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. merawat orang lelaki yang sakit. (5) Kritiknya